

IMAN SEBAGAI FITRAH MANUSIA

Pengertian iman

Bahasa : Aman@ membenarkan dengan hati@ Membenarkan dengan sesuatu tanpa mendustakannya

Istilah :Membenarkan dengan hati, menikrarkan dengan lidah dan mengamalkan dengan ajaran islam yang dibawa oleh Rasulullah saw dengan anggota.

Tahap keimanan seorang muslim

1. Iman para nabi dan rasul
 - Mereka orag yang amat kasih kepada Allah, taat, tetap pendirian dan maksum daripada dosa
 - Mereka diutuskan oleh Allah untuk menyampaikan berita gembira
2. Iman ulama
 - Keimanan mereka kepada Allah dengan nazar dan istidlal
 - Mereka mengenali Allah dengan dengan nama-namaya dan sifat-sifatnya yang agung
3. Iman orang yang menjalankan syariat Allah
 - Keimanan mereka berasaskan hujah, bukti dan dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah
 - Mereka terdiri daripada orang yang berilmu yang benar-benar menjalankan hukum Allah
4. Iman orang yang bertaklid
 - Keimanan mereka kepada Allah hanya dengan mendengar perkhabaran yang masyhur atau mengikut perkataan orang ramai tentang kewujudan Allah tanpa mengetahui dalil-dalil keujudan
 - Martabat golongan ini adalah yang paling lemah

PERKARA YANG BOLEH MEMBATALKAN IMAN

1. Perkataan :
 - Mengatakan undang-undang islam adalah kejam atau tidak adil atau menyatakan Rasulullah saw manusia biasa
2. Perbuatan atau amalan
 - Meminta bantuan daripada syaitan atau jin untuk mendapatkan sesuatu perkara
3. Iktiqad
 - Beriktiqad agama lain lebih baik daripada agama islam atau agama islam sudah tidak sesuai pada masa kini

Kepentingan iman kepada manusia

1. Mendapat kebahagiaan dunia dan akhirat
2. Melahirkan rasa syukur dan sabar
3. Memperoleh hidayah darida Allah
4. Mencintai perkara makruf dan membenci kemungkaran

Usaha dan tindakan untuk memelihara dan meningkatkan keimanan kepada Allah

Individu

- Mendalami ilmu agama melalui pengajian bersama para ulama
- Meningkatkan amalan soleh dan meninggalkan perbuatan mungkar
- Sentiasa berzikir dan mengingati Allah dalam apa jua keadaan

Masyarakat

- Memperbanyakkan program pengajian ilmu agama di masjid dan surau
- Menubuhkan pasukan amar makruf nahi munkar
- Mengajak jiran tetangga mengimarahkan masjid

Negara

- Memperbanyakkan program-program pengajian ilmu agama melalui pengajian bersama para ulama di media massa
- Membendung segala fahaman sesat supaya masyarakat dapat memelihara dan meningkatkan keimanan kepada Allah
- Menguatkuasakan undang-undang syariah dan mewujudkan pusat pemulihan dan pemantapan akidah

Latihan :

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul

1. Iman bererti tasdiq iaitu _____.
2. Para nabi dan rasul mempunyai iman _____ dan sempurna.
3. Iman boleh terbatal melalui _____.
4. Jelaskan tahap iman seseorang ulama .

- _____

- _____

(2 markah)

5. Terangkan dua kepentingan iman kepada manusia

- _____

- _____

(4 markah)

Apabila manusia ditimpa bala bencana secara tiba-tiba, mereka dengan serta merta akan kembali mengingati Allah swt

6. Berdasarkan pernyataan di atas kenapakah keadaan sedemikian berlaku kepada manusia?
Berikan hujah beserta rumusan.

jawapan :

1. membenarkan dengan hati
2. yang paling tinggi
3. perkataan/hati
4. - keimanan mereka berdasarkan nazar dan istidlal iaitu memikirkan tentang alam dan kejadian dengan mengemukakan dalil akli dan naqli.
- ulama mengenali Allah dengan nama dan sifat yang maha agung
5. - melahirkan sifat sabar dan redha dalam melaksanakan ibadah.
- Memperoleh hidayah dalam kehidupan

6.

Isi	Kehidupan manusia banyak yang lalai
Huraian	Kerana seronok dengan keasyikan dan tipu daya dunia
Huraian lengkap	Yang menyebabkan seseorang itu lupa bahawa tempat bergantung hanyalah Allah swt
Dalil	Jagalah Allah necaya Allah akan menjagamu (Hr Tirmizi)
Huraian dalil/ Contoh	Maknanya dengan menjaga syariat agamanya dan perintah-perintah Allah kehidupan akan menjadi selamat

Rumusan	Oleh itu kita hendaklah sentiasa mengingati Allah setiap masa sama ada ketika senang atau pun susah agar hidup diberkati dan dirahmati Allah swt.